

Untuk Siaran Segera


LHDNM/2021/02/10 - 34

## SET SEMULA KATA LALUAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI PORTAL RASMI BPR


Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pemohon Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) boleh set semula atau menukar kata laluan MyBPR mereka secara dalam talian tanpa perlu hadir ke pejabat LHDNM.

Tindakan set semula atau penukaran kata laluan tersebut boleh dibuat dengan mengambil langkah-langkah mudah seperti berikut: -

- i. Layari <https://bpr.hasil.gov.my> > klik **Log Masuk**;
- ii. Klik pada **TERLUPA KATA LALUAN**;
- iii. Masukkan Nombor MyKad dan Klik Semak. Pemohon perlu masukkan alamat e-mel yang telah didaftarkan;



- iv. Kata laluan sementara akan dihantar kepada alamat e-mel yang didaftarkan.



- v. Pemohon perlu menggunakan kata laluan sementara yang diterima melalui e-mel yang didaftarkan tersebut untuk log masuk semula ke MyBPR dan seterusnya pemohon hendaklah mencipta kata laluan yang baharu.

- vi. Bagi membantu pemohon melakukan proses ini, Panduan Pengguna Set Semula Kata Laluan boleh diakses di capaian pantas berikut: -
- [https://bpr.hasil.gov.my/Download/PANDUAN\\_PENGGUNA\\_SET\\_SEMULA\\_KATA\\_LALUAN\\_BPR2021.pdf](https://bpr.hasil.gov.my/Download/PANDUAN_PENGGUNA_SET_SEMULA_KATA_LALUAN_BPR2021.pdf)

Bagi pemohon yang masih menghadapi masalah dalam melakukan proses ini, mereka boleh menghubungi Hotline BPR di talian 1800-88-2747 atau hadir ke mana-mana Kaunter Perkhidmatan BPR yang berhampiran. Pemohon yang ingin hadir ke Kaunter Perkhidmatan BPR di pejabat LHDNM adalah dinasihatkan agar mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (S.O.P) pencegahan penularan wabak COVID-19 seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas mengenai perkara ini boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a) Hotline BPR di talian 1800-88-2747;
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | ☎ : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 10 Februari 2021**



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3